



Meriahkan Disember anda: Nikmati persembahan seni, warisan & budaya tradisional Malaysia!

ArtsFAS 2022 sajikan yang terbaik dalam seni makanan, drama, tarian, muzik, dan banyak lagi

Kuala Lumpur, 1 Dis 2022: Memeriahkan lagi musim perayaan ini, Yayasan Hasanah, sebuah yayasan berasaskan impak Khazanah, menjemput semua lapisan masyarakat Malaysia untuk menghadiri Seni Sepanjang Musim (Arts for All Seasons, ArtsFAS) - sebuah siri acara seni, budaya dan warisan yang dianjurkan serata Malaysia, mengujakan deria buat semua. Di musim hujung tahun ini, 'hadiahkan' diri anda sebuah pengalaman tradisional Malaysia yang penuh warna-warni, dan ayuh beramai-ramai menyemak jadual persembahan di [artsfas.org!](http://artsfas.org)

Dalam pengumuman baru-baru ini, Yayasan Hasanah telah menganugerahkan geran berjumlah RM3 juta kepada 26 pertubuhan seni, budaya dan warisan menerusi inisiatif geran tahunan ArtsFAS bagi merancakkan semula ekonomi kreatif. Melalui geran yang diuruskan bersama Kementerian Kewangan ini, kira-kira 1,000 penggiat seni, budaya dan warisan dijangka mendapat manfaat daripada peluang ekonomi yang terjana, sambil menghidangkan sebuah siri pengalaman seni dan budaya yang unik buat rakyat Malaysia.

Setakat tahun ini, program ArtsFAS telah menyokong lebih 50 persembahan, produksi teater, bengkel, pameran, webinar, persembahan berkumpulan dan acara lain, yang diadakan di Lembah Klang serta hampir kesemua negeri di Malaysia. ArtsFAS 2022 dijangka akan memperkenalkan lebih banyak lagi acara menarik yang akan berlangsung pada bulan Disember ini, berikutna panggilan akhir untuk permohonan geran yang baru sahaja tamat pada 30 November lalu!

Menarik Disember Ini

25 Nov – 4 Dis 2022 | Old Court House, Kuching

Food over Fire Festival | Heirloom Showcase

Oleh Whatmatters

Dalam acara HEIRLOOM SHOWCASE, perdiangan bersaiz penuh ke-2 akan dibina di Rumah Mahkamah Lama, sebuah lagi ruang awam yang bersejarah. Pada setiap malam, orang ramai akan dihibur dengan cerita rakyat, mitos dan legenda. Pameran langsung, bengkel, pameran kebudayaan, demonstrasi makanan pusaka, pasar malam seni & kraf menghidupkan tema tradisi dan pusaka. Di Auditorium, ayuh berhibur dengan tayangan filem pendek, filem warisan Sarawak, video lama Kuching serta persembahan kebudayaan daripada pelbagai institusi kreatif sama ada swasta mahupun awam.

2 - 4 Dis 2022 | Fort Margherita, Kuching, Sarawak

For Immediate Release

The Hearth Brought to Light - Food over Fire Festival

Oleh Whatmatters

Program yang merangkumi sejarah, tradisi, adat resam, kesenian dan warisan Sarawak melalui pantomim, ‘edutainment’ seni persembahan tradisional di sekitar perdiangan bersaiz penuh, diikuti dengan festival yang menampilkan amalan tradisional memasak "Makan di atas Api" di tempat bersejarah Fort Margherita sebagai ruang awam utama.

2 – 3 Dis 2022 @ Auditorium JKKN, Kedah

Pementasan Bangsawan ‘Terung Pipit’

Oleh Langgeng Bangsawan / Persatuan Bangsawan Warisan Jelapang

Bengkel dan pementasan Bangsawan Terung Pipit adalah untuk mendidik, mengembang, dan mengembalikan kegemilangan seni pementasan bangsawan khususnya bidang seni lakon bangsawan, seni tari, seni silat, dan yang berkaitan dengan seni pementasan bangsawan serta memupuk sikap mencintai seni warisan dan seni budaya Malaysia.

3-4 Dis 2022 | MUO Resort, Muar, Johor

MAPO Festival 2022

Oleh Pudipang Industries

MAPO Festival 2022 Projek merupakan satu medium pendidikan dan penghargaan masyarakat terhadap seni dan budaya. Pelbagai aktiviti dan program yang turut akan diadakan seperti pertunjukan pentas, bengkel dan klinik, sesi perkongsian dan forum, pameran, pertandingan, dan lain-lain lagi. Kesemua bentuk aktiviti ini merangkumi elemen kesenian dan kebudayaan dari yang moden, tradisi, hingga ke kontemporari. Festival ini turut akan menampilkan artisan dan tenaga kerja industri dari Malaysia, Indonesia dan Singapura.

3-4 Dis 2022 | Kundasang, Ranau Sabah

Seminar Pertemuan Sasterawan Etnik Serantau 2022 (SPSESS22)

Oleh Kelab Penulis Kadazandusun/Murut (Momogunsia)

Seminar pertemuan sasterawan serantau untuk membentangkan isu isu sastera etnik serantau, mengetengahkan sastera etnik di kalangan pelajar dan penulis serta bengkel pembangunan sastera etnik.

Seminar ini akan dihadiri oleh penulis penulis dari negeri Sabah, Sarawak, semenanjung Malaysia dan Brunei dan penceramah yang akan turut menjayakan seminar ini terdiri dari penulis mampan dan Pengkaji Sastera Etnik se Asia Tenggara. Salah satu tema yang akan dibincangkan dan disampaikan adalah untuk mengarusperdanakan Sastera Etnik, mengukuhkan jaringan dan jalinan aktiviti penulisan pelbagai kaum (etnik) membantu memantapkan pengembangan bahasa Kebangsaan dalam pelbagai kaum, mengalakkan pengkaryaan berteras etnik untuk menyerlahkan kearifan tempatan dan menerbitkan majalah pembentangan bahan untuk dokumentasi pada masa akan datang.

8 – 11 Dis 2022 | Stage 1 Theater, PJPAC

Drumhouse : Honouring a Cultural Heritage

Oleh Hands Percussion

Muzik dan instrumen tradisional Teochew serta elemen opera Teochew (termasuk muzik, pakaian, solek dan vokal) bercerita dengan sentuhan yang sedikit berbeza, dengan nada metalik gamelan, bunyi timbre yang berbeza-beza dari gendang shigu sambil mengambil pengalaman Mak Yong dan Mek Mulung tradisional Kelantan Zamzuriah Zahari menjadi watak opera Teochew tradisional untuk mencetus keseimbangan yang sempurna untuk menceritakan kisah kami tentang kehidupan, kecekalan dan hiburan kami.

8 Dis 2022 | Dewan Sri Pinang, Penang

The Three Scholars

Oleh Teochew Puppet And Opera House

Projek ini akan menjadi demonstrasi dan inspirasi kepada penggiat seni persembahan tradisional tentang potensi dan kemungkinan bentuk seni tradisional yang semakin pupus. Usaha pemulihian ini juga akan memberi peluang kepada generasi muda untuk memahami dan menghayati keunikan dan keindahan bentuk seni tradisional dan cerita rakyat. Penghargaan inilah yang akan mendorong lebih ramai orang untuk menghargai bentuk seni ini.

9 – 10 Dis | Laman Padi, Langkawi, Kedah

Walimatulurus

Oleh Projek Suatukala Sdn Bhd

Walimatulurus ialah pengalaman teater imersif, di mana penonton menjadi sebahagian daripada persembahan. Berdasarkan legenda terkenal Langkawi Mat Chincang dan Mat Raya, persembahan itu bertujuan untuk mengimbas kembali tradisi perkahwinan Langkat lama di Sumatera yang menjadi asas kepada budaya perkahwinan Melayu hari ini dan menampilkan adaptasi moden Silat Bunga Kedah.

9 Dis 2022 | Auditorium Wisma Tun Sambanthan, Kuala Lumpur

Pertandingan Teater & Majlis Peyampaian Hadiah

Oleh Persatuan Seni Pentas India

Pertandingan Teater Bahasa Melayu Sekolah Tamil, akan berlangsung 2022 secara fizikal untuk menyemarakkan semula aktiviti berteater di peringkat sekolah rendah dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan bagi mempertingkatkan penguasaan Bahasa Kebangsaan dikalangan pelajar sekolah. Juara pertandingan akan menerima Piala Hasanah sebagai pusingan, disamping hadiah lain.

10 Dis 2022 | JKKN Auditorium, Kuantan, Pahang

Konsert Gema Melayu Asli Irama Tradisional

Oleh Persatuan Gelanggang Seni Warisan Negeri Pahang

Konsert Gema Melayu Asli membangkitkan populariti dan keunikan muzik dan lagu Melayu Asli, menerusi penampilan barisan 8 penyanyi, 7 pemuzik dan 10 penari di kalangan anak muda yang berbakat besar dari Pantai Timur serta menggabungkan 5 orang tokoh dari bidang Budaya, Bahasa, Muzik dan Lirik, Agama dan Penyiar yang akan memberikan impak segar di

For Immediate Release

dalam konsert ini yang mengulas tentang intipati sebenar di dalam muzik dan lagu Melayu asli.

**16 – 18 Dis 2022 | Panggung Bandaraya DBKL
Rentak Bumi 2.0 - When Dance Videos Come Alive!**
Oleh Duo Space Dance Theatre Sdn Bhd

Rentak Bumi meraikan seni tarian Pelbagai-Budaya yang merangkumi tarian kontemporari, tradisional dan moden, justeru mencerminkan kekayaan budaya Malaysia. Ia bakal dipentaskan secara langsung dengan mempamerkan warisan dan budaya Malaysia melalui seni persembahan untuk dinikmati oleh rakyat Malaysia.

17 – 18 Dis 2022 | Auditorium D'sury, JKKN Negeri Sembilan, Seremban Negeri Sembilan

Konsert Musik Tradisional Negeri Sembilan
Oleh Kelab Teater Asar Negeri Sembilan

Projek ini merupakan satu inisiatif memartabatkan Seni Muzik Tradisional Negeri Sembilan. Nafas baru akan diadun dengan persembahan tradisional, dipersembahkan dalam bentuk orkestral dan digabung dengan peralatan “String” dalam masa yang sama memelihara nilai tradisional muzik itu sendiri.

24 – 25 Dis 2022 | Experimental Theater, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, ASWARA, Kuala Lumpur

Menempa Tari Tradisi
Oleh ASK Dance Company

Menempa Tari Tradisi merupakan himpunan persembahan tarian klasik dan tarian tradisi masyarakat Melayu kepada masyarakat umum. Tarian Joget Gamelan, Tarian Mengadap Rebab, Tarian Terinai, Silat Tari, Tari Inai, Tarian Joget, Tarian Zapin, Tarian Inang, Tarian Asli serta tari-tari tradisi yang lain akan dipertengahakan dalam projek ini.

**26 – 30 Dis 2022 | Banquet Hall SUK Perak, Ipoh Perak
Perak Chinese Orchestra Festival**
Oleh Persatuan Okestra Cina Ipoh

Program ini direka untuk merangsang dan menyemarakkan lagi semangat masyarakat tempatan terhadap budaya orkestra Cina melalui seminar, bengkel di sekolah, pertandingan, konsert dan kem intensif berkaitan Orkestra Cina.

**Akan datang Disember | Black N Red Studio, Youtube Channel
The Black N Red Coffee Table**
Oleh Black N Red Studio

The Black N Red Coffee Table bertujuan untuk menjadi sesi podcast video yang akan menampilkan pemuzik bebas tempatan yang wajar diketengahkan dari bahagian Utara Malaysia (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak). Ia dirancang untuk menjadi program baharu yang disiarkan oleh studio ini untuk menemu bual pemuzik tempatan agar dapat berkongsi

For Immediate Release

perjalanan muzik mereka dan juga berita terhangat dari bahagian utara dalam arena muzik indie/ ‘underground’ dalam gaya podcast video.

Akan datang Disember | **Pusat Komuniti Rakyat Tumpat, Kelantan**

After Monsoon Project Varna Art

Oleh Varna Art

Projek ini merupakan satu penerokaan tentang kehidupan alam semulajadi diantara laut dan darat yang mana ianya melibatkan musim tengkujuh yang berlaku setiap tahun di pantai timur. Gelaran “After Monsoon” memberi persepsi terhadap sampah yang dianggap sebagai sisa buangan yang datang selepas monsun, yang akan berubah dengan garapan yang di manipulasi dengan pelbagai lapisan proses bertukar kepada subjek pendidikan.

Nota Media: Muat turun gambar dan logo di [sini](#).

###

TENTANG YAYASAN HASANAH

Yayasan Hasanah (“Hasanah”) merupakan sebuah yayasan berasaskan impak di bawah Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”), dana kekayaan berdaulat Malaysia. Hasanah lahir sebagai sebuah yayasan penganugerahan geran bebas pada 1 Julai 2015; sebuah kesinambungan kepada usaha Tanggungjawab Korporat (CR) yang sebelumnya dipacu oleh Khazanah untuk sembilan tahun. Sebagai organisasi penganugerahan geran, Hasanah menjangkau lebih daripada wang ringgit untuk memudahkan ekosistem transformasi, bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, menanamkan semangat advokasi dan membina kemampuan dalam lima bidang tumpuan utamanya: Pendidikan; Pembangunan Komuniti; Alam Sekitar; Kesenian & Ruang Awam; dan Pengetahuan. Secara kolektif dan kolaboratif, Hasanah berharap dapat menggerakkan anjakan reformasi sosial dan masyarakat untuk rakyat Malaysia, ke arah memajukan Malaysia. Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.yayasanhasanah.org.

TENTANG ARTSFAS

Ants for All Seasons atau Seni Sepanjang Musim (ArtsFAS) ialah sebuah platform oleh Yayasan Hasanah yang bertujuan mengeletakkan warisan seni dan budaya tempatan melalui aktiviti yang dibuka kepada orang ramai, sekaligus menghubungkannya dengan generasi baharu. Ayuh raikan kepelbagaian dan kekayaan budaya negara Malaysia. Bersama, kita mampu melakar masa hadapan budaya kita.

Bagi sebarang pertanyaan media dan temu bual, sila hubungi:

- Ili Nabilah ili.nabilah@hasanah.org.my
- Hannis Hisham | hannis.hisham@hasanah.org.my